



SIARAN MEDIA KEMENTERIAN KOMUNIKASI DAN DIGITAL

PROGRAM KITA MADANI - KEMPEN PENINGKATAN KESEDARAN KESELAMTAN SIBER, EKONOMI DIGITAL DAN *CONNECTIVITY*

SEREMBAN - Kementerian Komunikasi Dan Digital (KKD) giat melaksanakan Kempen Peningkatan Kesedaran Keselamatan Siber, Ekonomi Digital dan *Connectivity*. Kempen ini dilaksanakan melalui Program Kita@MADANI. Kita@MADANI merupakan program turun padang dan libat urus Jabatan Penerangan Malaysia bersama komuniti setempat. Di Negeri Sembilan, program ini telah dilaksanakan sebanyak dua kali dan pada kali ini pihak kami menyantuni seramai 80 orang warga emas di Seremban.

Program ini telah dilaksanakan dengan kerjasama semua agensi dibawah Kementerian Komunikasi dan Digital di Negeri Sembilan.

Pelbagai aktiviti telah dilaksanakan sempena program ini. Antaranya ceramah, gotong-royong memasak, sesi ramah mesra dan perkongsian dari pihak Polis Diraja Malaysia dan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia

berkaitan isu scam serta penularan dan berita palsu yang semakin berleluasa di dalam masyarakat kita pada hari ini.

Usaha bersama antara agensi dalam memberi pendidikan kepada seluruh masyarakat terutama golongan warga emas yang terdedah untuk ditipu atau scam yang melibatkan kerugian besar. Kerjasama strategik bersama NGO seperti Yayasan Digital Malaysia yang turut serta bersama kita hari ini perlu diteruskan ke seluruh pelosok tanah air agar masyarakat benar-benar faham dan jelas berkaitan isu ini.

Statistik menunjukkan sejak penubuhan National Anti-Scams Centre (NSRC) sehingga April 2023 jumlah panggilan scam asli yang diterima adalah sebanyak 11.858 dengan jumlah kerugian yang dilaporkan adalah sebanyak RM 104.8 juta.

Kertas siasatan yang dibuka iaitu sebanyak 3,595 kes bagi kesalahan penipuan di bawah seksyen 420 Kanun Keseksaan dan sebanyak 33 kertas siasatan bagi kesalahan pengubahan wang haram telah melibatkan sekatan berjumlah RM 34.8 juta.

Statistik Penipuan Dalam Talian (Online Scam) bagi tahun 2023 bermula Januari sehingga 25 Mei 2023 berdasarkan penipuan dalam talian dengan 785 kes. Di Facebook sebanyak 744 akaun telah dikesan menjalankan penipuan dalam talian dan sebanyak 657 akaun telah dihapuskan, 52 akaun masih dalam siasatan dan 35 akaun belum lagi diambil tindakan.

PEDi

Terdapat sejumlah 51 PEDi di Negeri Sembilan dan sejumlah 11 PEDi akan dibangunkan sesuai dengan pengumuman bajet 2023 yang telah diumumkan oleh YAB Perdana Menteri untuk melaksanakan Program 1 Dun 1 PEDi yang dapat memberi peluang lebih luas kepada penduduk di kawasan pedalaman untuk mendapatkan akses internet, serta peluang kepada usahawan kecil supaya dapat mengembangkan perniagaan mereka.

5G

Manakala liputan 5G di kawasan berpenduduk berada pada tahap 53% dengan 131 tapak beroperasi. Sasaran KKD adalah membangun 207 tapak menjelang hujung tahun.

Perancangan projek JENDELA di Negeri Sembilan antaranya:

1. Liputan di kawasan berpenduduk – Membina struktur pemancar di 93 lokasi baharu di kawasan bandar dan luar bandar. Antaranya, 66 sudah siap, 27 dijangka siap sebelum penghujung tahun.
2. Kelajuan Jalur Lebar Mudah Alih – Menaik taraf 1,475 stesen pemancar sedia ada kepada 4G di kawasan bandar dan luar bandar.
3. Capaian Gigabit Talian Tetap ke Premis – Capaian Gigabit talian tetap (gentian optik) kepada 221,627 premis.

Status Pelaksanaan JENDELA - Butiran Projek Menara Baharu JENDELA Fasa 1

NO	NAMA TAPAK	DAERAH	PEMILIK TANAH	STATUS
1	Kg. Tarun	Seremban	Individu	Dalam proses pelaksanaan (proses kerja tanah, pembinaan struktur menara dan pemasangan perkakas/peralatan telekomunikasi)
2	Kg. Ramba Baris Bt 18	Jelevu	Individu	
3	Jln. KTM Gemas - Kemayan	Jempol	Individu	
4	Kg. Serting Hulu	Jempol	Individu	
5	Kg. Jumbang	Kuala Pilah	Individu	
6	Kg. Kuala Johol	Kuala Pilah	Individu	
7	Kg. Sungai Timun	Rembau	Individu	
8	Kg. Keru Hulu	Tampin	Individu	
9	Kg. Ulu Pondo	Tampin	Individu	
10	Kg. Baru Rompin	Jempol	Individu	
11	Kg. Kopok/Kg Bayai Lama	Jempol	Individu	
12	Kilang Sawit Serting Hilir	Jempol	Felda	
13	Kg. Barisan	Port Dickson	Individu	
14	Ladang Mikdavid	Port Dickson	Mikdavid	
15	Ladang Bradwall	Port Dickson	Sime Darby	
16	Taman Albury	Seremban	Ace Development	
17	Kg. Gepu	Jelevu	Individu	
18	Kg. Sepam	Jelevu	Individu	
19	Kg. Ayer Hitam	Port Dickson	Individu	

20	Taman Irama	Jelevu	JHEAINS	
21	Kg. Bari	Kuala Pilah	Jabt. Perhutana n	
22	Kg. Pabai	Kuala Pilah	Jabt. Perhutana n	
23	KOA Ulu Kemin	Jelevu	Jabt. Perhutana n	
24	KOA Langkap Tanjung Ipoh	Kuala Pilah	Jabt. Perhutana n	
25	KOA Ngoi Ngoi	Seremban	Jabt. Perhutana n	
26	Kg. Baharu Ulu Bayai	Jempol	YNS	Dalam proses permohonan ke PBT/OSC.
27	Empangan Kelinchi	Kuala Pilah	Individu	

Jabatan Penerangan Negeri Sembilan

Negeri Sembilan

31 Mei 2023

